

PENGAMPUNAN DATO' SERI ANWAR IBRAHIM ATAS ASAS APA?

Perlu diperingatkan terlebih dahulu bahawa dalam tahun 2004, sayalah yang menulis alasan penghakiman majoriti Mahkamah Persekutuan yang membebaskan Dato' Seri Anwar Ibrahim daripada sabitan kes liwatnya yang pertama. Itu saya lakukan semata-mata berdasarkan keterangan yang dikemukakan di mahkamah dan undang-undang yang berkenaan.

Demikian juga, apa yang saya akan katakan dalam rencana ini adalah semata-mata berdasarkan prinsip, bukan sama ada Dato' Seri Anwar Ibrahim patut diampun atau tidak.

Mengikut berita yang memetik Dato' Seri Wan Azizah, Dato Seri Anwar Ibrahim akan diampun dalam masa yang terdekat, malah dalam masa seminggu lagi. Apakah alasannya? Semua orang tahu, untuk membolehkan beliau bertanding dalam pilihanraya kecil parlimen dan, seterusnya dilantik menjadi Perdana Menteri.

Perlu ditekankan sekali lagi, saya tidak menyatakan ada beliau patut diampun atau tidak. Saya cuma menyatakan asasnya. Beliau telah disabitkan kerana satu kesalahan jenayah. Sekarang beliau hendak diampunkan semata-mata untuk membolehkan beliau bertanding dalam pilihanraya kecil dan menjadi ahli parlimen.

Soalan saya: Adakah itu satu alasan yang cukup dan berpatutan (*sufficient and reasonable*) bagi Lembaga Pengampunan memberi pengampunan kepadanya?

Jika jawapannya “ya”, maka, jika selepas itu ada pula seorang banduan lain yang meminta diberi pengampunan untuk membolehkannya bertanding dalam pilihanraya untuk menjadi ahli parlimen, adakah, atas dasar yang sama, dia juga akan diampunkan? Jika tidak mengapa?

Satu misalan lagi, jika seorang ahli parlimen disabitkan kerana kesalahan jenayah, adakah dia akan diampunkan supaya dia boleh terus menjadi ahli parlimen? Jika seorang yang hendak bertanding diampun, dia tentu lebih layak diampun.

Ahli-ahli Lembaga Pengampunan perlu memikirkan semua ini. Apakah jawapan mereka? Mereka perlu konsisten. Jika tidak, tidak ada ketelusan.

Tun Abdul Hamid Mohamad

12 05 2018

tunabdulhamid@gmail.com
<http://www.tunabdulhamid.my>
<https://tunabdulhamid.me>

